

12 Februari 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Penilaian MSPO Bagi Koperasi
Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad (KOPKEM)**

Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan penilaian utama pensijilan Malaysian Sustainable Palm Oil untuk **Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad**. Penilaian akan dilaksanakan ke atas ladang yang diuruskan oleh **Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan penilaian persijilan bagi **Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad** pada **13/03/2025**. Penilaian utama akan diadakan menurut MS 2530-3-1:2022 General Principles for Oil Palm Plantations (40.46 hectares to 500 hectares). Salinan Standard MS 2530-3-1:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui emel: central@jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit persijilan:

Rancangan	Alamat	Jumlah Kawasan Keseluruhan (Ha)	Rujukan GPS
Ladang KOPKEM	PT 16282, Aras Satu, Taman IG Persona, Jalan Injin Gergaji, 24000 Kemaman, Terengganu	363.62	N 4°14'27.0" E 103°25'29.6"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit penilaian di **Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad** terdiri daripada:

- i) Encik Azmi bin Adnan sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Encik Ermadasila Bin Mohamad sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)
- iii) Encik Asnawi Nazran Bin Mohd Zaili sebagai Juruadit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 13.03.2025
Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengahari
Lokasi : Koperasi Pekebun Kecil Daerah Kemaman Berhad, 24000 Kemaman, Terengganu

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami. Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Atika Binti Bakar
Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Atika Binti Bakar

Pegawai Pengesahan (Certifier)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.